

# Kerajaan sedia pulih komunis

KODIANG, Khamis — Kerajaan sanggup menerima pengganas komunis rakyat Malaysia, yang menyerah diri kepada pihak berkuasa Thai, untuk menjalani program pemulihan di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagaimanapun berkata, kerajaan ti-

dak dapat memberi pengampunan kepada pengganas-pengganas itu, sebaliknya mereka akan dipulihkan jika pulang ke sini.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Sekolah Kebangsaan Tengku Bendahara di sini hari ini, beliau berkata, kerajaan juga tidak dapat

menerima pengganas komunis rakyat Thai.

Beliau mengulas laporan mengenai 114 pengganas komunis, termasuk 84 yang mendakwa rakyat Malaysia, menyerah diri kepada pihak berkuasa Thai di Sadao di Wilayah Songkhla, Selatan Thailand dan di Bangkok, bulan lalu.

Semua pengganas itu adalah dari Regimen Kelapan tentera Parti Komunis Malaya (PKM) yang diharamkan.

Regimen kelapan, juga dikenali sebagai kumpulan Marxis-Leninis (CPM-ML) berpecah daripada badan induk PKM atau Puak Revolusioner (CPM-RF) kerana perbezaan ideologi.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ada tanda-tanda gerakan komunis di negara ini sudah lumpuh, kecuali beberapa pengganas sahaja masih cergas.

Menurutnya, usaha itu sebenarnya dijalankan oleh pihak berkuasa Thai dengan pengetahuan dan kerjasama Malaysia.

"Saya baru hantar surat kepada Perdana Menteri Thailand, hari ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kerana kejayaan mereka," kata Perdana Menteri.

Perdana Menteri juga menyifatkan tindakan serah diri terbaru itu sebagai yang terbesar pernah dibuat oleh sekumpulan pengganas komunis.

Datuk Seri Dr Mahathir dijangka membuat kenyataan rasmi mengenai perkara itu di Kuala Lumpur, beberapa hari lagi.